



# BULETIN NADI HAYAT



## PELANCARAN PICKIDS DAERAH TUARAN

Bermula Februari 2022, KKM melaksanakan pemberian vaksin COVID-19 untuk kanak-kanak berusia 5 hingga 12 tahun. Vaksin mRNA iaitu Comirnaty® 10mcg Concentrate for Dispersion (PfizerBioNTech) akan digunakan. Hasil dapatan kajian klinikal vaksin ini menunjukkan keberkesanan sebanyak 90.7% serta berupaya untuk meningkatkan tindak balas imun yang tinggi terhadap penyakit COVID-19.

Program vaksinasi kanak-kanak (PICKids) ini memerlukan dua suntikan dos vaksin dengan sela masa lapan (8) minggu selepas dos pertama. Berdasarkan data terkini yang diperolehi, sela masa lapan (8) minggu di antara dua dos yang diberikan akan memberi kesan tindak balas imuniti dan kadar keberkesanan yang lebih tinggi serta berpotensi untuk memberikan perlindungan yang lebih lama.

Hospital Tuaran yang merupakan salah satu Pusat Pemberian Vaksin (PPV) daerah Tuaran telah membuat pelancaran PICKids pada 9 Mac 2022. PICKids Hospital Tuaran telah dilancarkan oleh Pegawai Daerah Tuaran, Ybhg. Tn. Syahrin bin Samsir. Sehingga 31 Mac 2022, seramai 200 kanak-kanak telah divaksin dos pertama di PPV Hospital Tuaran. Turut hadir Pengarah Hospital, YBhg. Datuk Dr. G. Mohan, Timb. Pegawai Kesihatan Daerah, Dr. Rosfina, Ketua Polis Daerah Tuaran, YDH DSP Mohd Hamizi Halim dan Pegawai Penerangan Daerah Tuaran, Pn. Malina Jamarin



**YBhg. Datuk Dr. G. Mohan A/L A. Gopal Naidoo**

Pengarah Hospital

Terima kasih kepada semua pembaca yang budiman. Semoga anda mendapat manfaat daripada buletin yang disediakan ini. Tidak dilupakan kepada barisan sidang redaksi yang bertungkus lumus untuk menyediakan buletin ini. Semoga buletin akan dapat terus diterbitkan lagi pada masa akan datang.

Badan Redaksi Nadi Hayat

Dr. Maegyvear Pinid

Chan Yen Mii

David Dominicus

Jack Richie Lee

Jessica Yampai

Lyncica Bonar

Bartholemew G. Lee

Normie E. Surin

Clarice Jariman

Ag. Ramlan Ag. Murshid

Nooraini Armando

Fredolin Andrew Sipail

Ricaldo Geonan Majutin



### Persijilan Kualiti Hospital Tuaran



### HOSPITAL TUARAN

Peti Surat 996, 89207 Tuaran, Sabah

088-788224 / 088-797100

088-788167

<http://htuaran.moh.gov.my>

@hospitaltuaran

## LAWATAN PKN KE PKRC INTAN (HOSPITAL TUARAN)

PKRC INTAN Kampus Sabah merupakan satu PKRC yang diselia oleh Hospital Tuaran bermula daripada 8 Oktober 2020. PKRC INTAN mampu menempatkan sehingga 280 pesakit dalam satu-satu masa. Sehingga 30 Mac 2022, seramai 9,123 pesakit Covid-19 telah dirawat di PKRC ini. Dalam memastikan peranan dan perkhidmatan yang diberikan sentiasa yang terbaik, Pengarah Kesihatan Negeri Sabah, Ybhg. Datuk Dr. Rose Nani Mudin, TPKN (Perubatan), Ybhg. Datuk Dr. Abd. Kahar Abd. Asis dan Bahagian Perubatan (JKN Sabah) telah membuat lawatan ke PKRC INTAN pada 13 Januari 2022.



## VAKsin COVID-19 UNTUK KANAK-KANAK (PICKids)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan pemberian vaksin COVID-19 untuk kanak-kanak berusia 5 hingga bawah 12 tahun bermula Februari 2022. Walau bagaimanapun, pemberian vaksin COVID-19 kepada golongan ini perlu dinilai oleh pegawai perubatan terutama bagi kanak-kanak yang mempunyai sejarah penyakit seperti myocarditis, pericarditis, masalah pendarahan, rendah imun badan (*immunocompromised*) atau mengambil ubat cair darah, dan manakala bagi kanak-kanak yang pernah mengalami anafilaksis atau alahan teruk kepada dos pertama Cominarty, mana-mana bahan kandungan vaksin Cominarty atau sebarang ubat/makanan/bahan yang tidak diketahui adalah dikecualikan. Berikut adalah soalan lazim bagi vaksin COVID-19 kanak-kanak.

### Mengapa kanak-kanak perlu diberi vaksin COVID-19?

- Mengurangkan risiko kanak-kanak mendapat jangkitan COVID-19 yang teruk serta mengurangkan risiko kematian akibat COVID-19.
- Mengawal penularan penyakit COVID-19 apabila peratus populasi yang tinggi telah divaksinasi.
- Mencegah Multi System Inflammatory Syndrome in Children (MIS-C) iaitu komplikasi teruk yang boleh berlaku 2-6 minggu selepas kanak-kanak tersebut dijangkiti COVID-19. Antara simptomnya adalah demam berpanjangan, lesu, tekanan darah rendah, mata merah, bibir merah merekah, ruam kulit, kelenjar bengkak, cirit-birit, muntah, sakit perut serta keradangan organ (jantung, peparu, buah pinggang, otak dan lain-lain lagi).

### Apakah kesan sampingan yang mungkin dialami dari vaksin COVID-19?

- Kebanyakan kanak-kanak didapati mengalami kesan sampingan yang kurang teruk berbanding golongan dewasa.
- Antara kesan sampingan yang paling kerap dialami adalah rasa sakit, gatal-gatal atau bengkak di tempat suntikan, sakit kepala, rasa penat dan demam ringan.
- Kebanyakan kesan sampingan ini akan menghilang dalam masa 3 hari.
- Kesan sampingan yang lebih teruk tetapi jarang berlaku adalah seperti sesak nafas, degupan jantung laju, sakit dada, ruam seluruh badan, radang otot jantung (myocarditis) dan radang selaput jantung (perikarditis).
- Sekiranya ini berlaku, kanak-kanak tersebut perlu dibawa ke hospital atau klinik kesihatan yang berdekatan dengan secepat mungkin.

### Apakah jenis vaksin COVID-19 yang wujud untuk kanak-kanak?

1. Cominarty/ Tozinameran (Pfizer-BioNTech) untuk kanak-kanak 5-11 tahun
  2. Spikevax (Moderna) untuk kanak-kanak 6-11 tahun
- Setakat ini hanya vaksin Cominarty/ Tozinameran sahaja yang wujud di Malaysia.

### Apakah dos vaksin yang digunakan?

- 10µg atau 0.2mL (iaitu 1/3 daripada dos dewasa)
- 2 dos perlu diberi dengan sela masa 8 minggu



Disediakan oleh :  
Chan Yen Mii, Pegawai Farmasi

**Office 365**  
**Tahukah Anda**  
*Bahawa anda kini menggunakan Office 365?*

Office 365 memberikan akses Microsoft Office dimana sahaja, e-mel berkapasiti besar, persidangan web, pengurusan dokumen dan proses kerja perniagaan.

**Office 365**  
Kerjasama yang kuat

Membuat kerja secara atas talian pada waktu yang sama

Edit dokumen pada waktu yang sama tanpa isu kawalan versi

Berkongsi Kalendar dengan mudah

**Office 365**  
Keselamatan yang dipercayai

Mengawal siapa yang boleh mengakses, membaca dan berkongsi maklumat dokumen

Jaminan Backup 99.9% uptime

Telefon Bimbit anda hilang? Hapuskan data dari jauh

### TOKOH BULANAN 2022

**JANUARI**



Rahimah Roslan  
(Hemodialisis)

**MAC**



Justin Goh  
(Jabatan Kecemasan & Trauma)

PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR		
BULAN	JUMLAH (PURATA)	
JANUARI	6,679	
FEBRUARI	5,949	6,359
MAC	6,447	
<b>JUMLAH</b>	<b>19,075</b>	

### KENALI BAHASA TEMPATAN

**KADAZAN - MELAYU - INGERIS - BAJAU**

**OOMIS - MANIS - SWEET - MAMIS**

**OOSIN - MASIN - SALTY - MASIN**

**OONSOM - MASAM - SOUR - OOSOM**

**OPOIT - PAHIT - BITTER - PA'IT**

BANCIAN PESAKIT DALAM			
WAD	JANUARI	FEBRUARI	MAC
<b>PEREMPUAN (BUKAN COVID -19)</b>	<b>(125.48%)</b>	<b>(103.39%)</b>	<b>(119.03%)</b>
<b>LELAKI (COVID-19)</b>	<b>(65.81%)</b>	<b>(105.65%)</b>	<b>(75.97%)</b>
<b>BERSALIN</b>	<b>55.85%</b>	<b>61.16%</b>	<b>54.44%</b>
<b>PEDIATRIK</b>	<b>73.70%</b>	<b>59.20%</b>	<b>58.68%</b>
<b>PKRC INTAN</b>	<b>11.54%</b>	<b>27.84%</b>	<b>5.57%</b>

KEMPEN DERMA DARAH		
BULAN	LOKASI	DARAH
JANUARI	3	144
FEBRUARI	3	73
MAC	4	146
<b>JUMLAH</b>	<b>10</b>	<b>363</b>

PINT

BILANGAN IBU BERSALIN	
BULAN	JUMLAH
JANUARI	87
FEBRUARI	50
MAC	63
	<b>200</b>

Sumber: En. Muhd. Syahmi, Peg. Sains, Unit Transfusi Darah

Start where you are. Use what you have. Do what you can.  
Arthur Ashe

# LAWATAN PENYELIAAN KETUA PENYELIA JURURAWAT NEGERI

Jururawat merupakan satu profesyen yang amat memerlukan sifat sabar, prihatin, cergas serta berupaya berkomunikasi dengan baik dan mempunyai sikap yang positif semasa dalam merawat pesakit. Ciri-ciri ini bukan satu perkara yang mudah. Dalam memberikan semangat motivasi kepada jururawat di Hospital Tuaran, Ketua Penyelia Jururawat Negeri (KPJN), Matron Nancy Borubui serta rombongan telah membuat lawatan penyeliaan pada 28 Januari 2022. Semasa penyeliaan ini, KPJN memberi pujian kerana suasana kerja di Hospital Tuaran yang bersih, semangat kerjasama sesama jururawat dengan pengurusan jururawat yang sangat baik, penjagaan pesakit yang baik serta Unit Kejururawatan yang sistematik. KPJN turut membuat lawatan ke semua wad untuk melihat sendiri pengurusan dan penjagaan pesakit agar sentiasa di tahap optima.



# PENILAIAN SEMULA PENSIJILAN EKSA

Audit semula EKSA Hospital Tuaran ini merupakan kali yang ketiga daripada pihak MAMPU. EKSA merupakan satu elemen yang penting bagi hospital ini dalam memberikan perkhidmatan yang tersusun dan terbaik kepada pelanggan hospital. Audit semula pada kali ini telah diadakan pada 3-4 Februari 2022 dan diketuai oleh Pn. Clare William Sorimpok dan di bantu oleh Pn. Ladyia Misir dan Pn. Sitti Suraidah Anas. Audit ini bukan sahaja tertumpu kepada dokumen atau di dalam bangunan malah keselamatan persekitaran juga turut audit. Sepanjang 2 hari penilaian semula ini, pihak auditor berpuas hati dengan pengamalan EKSA di hospital ini dan telah memberikan beberapa maklumbalas membina untuk menambahbaik beberapa aspek pengamalan.



# UNIT KERJA SOSIAL PERUBATAN

Unit Kerja Sosial Perubatan merupakan satu unit yang memberikan bantuan praktikal dan terapi sokongan kepada pesakit yang mendapatkan rawatan di Hospital Tuaran. Bantuan ini adalah agar pesakit dapat berfungsi sebaik mungkin apabila kembali semula kepada masyarakat. Perkhidmatan yang disediakan oleh unit ini adalah:

## Pengurusan Bantuan Praktik

- Bantuan kewangan (peralatan/ubatan/rawatan/am)
- Penempatan Institusi
- Mengesan waris

## Pengurusan Bantuan Terapi Sokongan

- Khidmat perundingan
- Sokongan emosi
- Intervensi krisis

Unit ini dikendalikan oleh:  
Pn. Hanisah Liman  
dibantu oleh En. Amoster Alex.



Mula operasi pada bulan Oktober 2018 hingga Mac 2022, seramai 105 pesakit telah berjaya dibantu daripada 245 pesakit yang dirujuk.

# PENGHARGAAN KEPADA HOSPITAL TUARAN

Ucapan penghargaan daripada pesakit hospital disampaikan dalam pelbagai bentuk. Sesungguhnya, pihak hospital sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan.



# ALBUM HOSPITAL TUARAN



Kempen Derma Darah bersama Yayasan Tzu Chi Cawangan KK<sup>2</sup> Tuaran  
03 Januari 2022



Lawatan daripada Presiden CEUPACS  
19 Februari 2022



Perhimpunan Pagi Januari  
12 Januari 2022



Taklimat Pelaksanaan Sasaran Kerja Utama  
oleh JKN Sabah  
23 Mac 2022



Taklimat Pemantapan Akreditasi  
Hospital-Hospital KKM (JKN Sabah)  
27 Januari 2022



Perhimpunan Pagi Mac  
30 Mac 2022



Bengkel Pemantapan MyPortfolio  
(Mengikut Gred)  
Januari 2022



Bengkel National Nursing Audit (NNA)  
30 Mac 2022



Serah Tugas (Kawalan Keselamatan) RELA  
kepada Syarikat Wijaya Keselamatan  
01 Februari 2022



User Training : SIMKA Outbreak & RTK  
Saliva Screening  
30 Mac 2022